



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Wang simpanan RM124,000 lesap ditipu sarjan palsu  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 8 December 2020

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 15

## Wang simpanan RM124,000 'lesap' ditipu sarjan palsu

**SEBERANG PERAI** – Seorang pesara di Kepala Batas di sini berputih mata apabila wang simpanan sebanyak RM124,000 lesap dipercayai ditipu polis palsu bulan lalu.

Lelaki berumur 71 tahun itu

mula terjerat selepas menerima panggilan daripada syarikat telekomunikasi sebelum disambungkan kepada dua anggota polis, Sarjan Juhairi dan Inspektor Herman.

Ketua Polis Daerah Seberang

Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, dua 'polis' itu kemudiannya memberitahu mangsa terlibat dalam kes pengubahan wang haram dan diminta memberikan maklumat akaun bank kononnya

untuk tujuan audit dan siasatan.

"Mangsa kemudian diarahkan membuat pembayaran ke dalam empat akaun bank sebanyak RM101,000 sebagai kos peguam," katanya di sini semalam.

Noorzainy berkata, suspek

disyaki turut mengeluarkan wang daripada akaun bank mangsa sebanyak RM23,000.

"Secara keseluruhan mangsa kerugian RM124,000 sebelum tampil membuat laporan polis semalam (kelmarin)," ujarnya.